

BAB IV

KEBERADAAN RTV DI KOTA PEKANBARU

4.1. Sejarah Rtv

Riau televisyen adalah sebuah stesen televisyen lokal yang beroperasi di Kota Pekanbaru Propinsi Riau, selanjutnya disingkat dengan Rtv. Rtv merupakan stesen televisyen yang dikelolakan oleh Syarikat Riau Media Televisyen yang berkedudukan di Kota Pekanbaru. Rtv mulai ke udara pada 20 Mei 2001.¹

Kehadiran Rtv di Pekanbaru boleh menjadi kebanggaan masyarakat Riau, kerana di Indonesia perniagaan televisyen yang dikelola oleh swasta masih sangat kurang, hal ini disebabkan kerana bukan sahaja lemah soal sumber daya manusianya, tetapi juga bisnis televisyen ini memerlukan pembiayaan (kos) yang sangat besar.

Dengan ditubuhkannya Rtv, maka di Pekanbaru kini terdapat tiga stesen televisyen yang boleh membabitkan segala bentuk program seperti halnya stesen televisyen lainnya. Ketiga stesen televisyen itu adalah TVRI Pekanbaru, Pekanbaru Televisyen dan Riau Televisyen.

Penubuhan stesen televisyen swasta di Kota Pekanbaru sudah merupakan kebutuhan dari sebahagian besar masyarakat, kerana pada masa ini televisyen merupakan media yang sangat ampu dijadikan sebagai media kempen terhadap hasil

¹ Bahktiar, Manager Riau Televisyen, *Wawancara* 5 April 2003

produk mereka. Dalam rangka memacu perkembangan pembangunan di Pekanbaru dan Propinsi Riau pada umumnya, Maka Rida K. Liamsi iaitu antara pengasas Rtv mengungkapkan bahawa setidaknya ada empat alasan yang merupakan asas pemikiran mengapa Riau Televisyen ditubuhkan.²

Pertama, untuk maklum balas terhadap berlakunya sistem otonomi daerah di Indonesia. Caranya ialah dengan menambah prasarana penyebaran informasi kepada masyarakat, sehinggakan masyarakat boleh tahu tentang apa yang terjadi di luar dirinya. Dengan banyak memperolehi informasi inilah masyarakat akan boleh membangun dirinya sendiri. Masyarakat yang kaya dengan informasi, akan mengetahui bagaimana cara untuk membangun masyarakat sekitar mereka.

Kedua, mengingat luasnya wilayah Negara Kesatuan Republik Indonesia, maka semua stesen televisyen nasional tidak boleh menampung dan menyampaikan pelbagai-bagai informasi yang berhubungkait dengan daerah-daerah di Indonesia secara keseluruhan, termasuk daerah-daerah di Propinsi Riau, hinggakan dari sepuluh peristiwa yang dianggap penting oleh daerah dan patut disampaikan kepada masyarakat, tetapi oleh stesen televisyen nasional hanya boleh disampaikan satu berita sahaja, manakala informasi yang lainnya tidak boleh diketahui oleh masyarakat.

² Rida K. Liamsi, *Grup Riau Pos Dirikan Riau televisi*, Harian Genta, 13- 19 Mei 2001, hlm. 3

Untuk mengatasi masalah sepertimana di atas, diperlukan adanya stesen televisyen tempatan ditubuhkan, dengan demikian harapan stesen televisyen terbabit akan boleh menyampaikan informasi kepada masyarakat daerah secara keseluruhan dengan baik dan cepat. Dengan demikian masyarakat akan boleh mengetahui permasalahan yang berlaku disekitar mereka.³

Ketiga, Jika dilihat dari sudut ekonomi ternyata banyak syarikat-syarikat besar yang bergerak dalam bidang industri berskala nasional yang beroperasi di Propinsi Riau, sehingga mereka memerlukan media massa elektronik sebagai media untuk mempromosikan produk mereka kepada masyarakat. Untuk memberikan solusi terhadap hal tersebut, maka ditubuhkanlah satu stesen televisyen dengan harapan syarikat-sarikat tersebut boleh memanfaatkan media tersebut untuk mempromosikan produk mereka masing-masing.

Keempat, untuk membuktikan kepada masyarakat luar bahawa Riau juga boleh masuk ke era teknologi audio visual yang pada ketika ini sangat kuat pengaruhnya kepada masyarakat. Atas dasar pemikiran ini, maka setelah mendapat restu dari Gabenor Riau, maka Syarikat Riau Media Televisyen menubuhkan sebuah stesen televisyen swasta yang diberi nama Riau Televisyen dan selanjutnya disebut Rtv.

³ *Ibid*, hlm. 3

⁴ Bahtiar, Manager Riau Televisyen, *Wawancara*, 10 April 2003

Dengan ditubuhkannya Rtv, diharapkan masyarakat akan dapat memperoleh informasi dengan cepat dan terkini. Selain itu syarikat-syarikat yang ada di Propinsi Riau baik syarikat kecil mahupun syarikat besar akan dapat mempromosikan produknya melalui media yang boleh menjangkau khalayak yang sangat ramai.

Pada ketika ini, Rtv baru berumur dua tahun, dengan usia yang relatif masih muda Rtv pada tahun 2003 telah memiliki kekuatan 2 kilo watt dengan radius jangkauan 120 kilo meter yang meliputi wilayah Kota Pekanbaru, sebahagian daerah Dumai, sebahagian wilayah Kuantan Singingi, sebahagian wilayah Inhu dan sebahagian wilayah Pelalawan. Untuk rancangan pengembangannya, Rtv merancang akan membuka stesen relay di Kota Bengkalis dan Tembilahan yang pada ketika ini daerah tersebut belum boleh menerima siaran Rtv.⁴

4.2. Struktur Organisasi Rtv

Pembahagian kewenangan dan tanggung jawab dalam suatu lembaga tercermin pada pembentukan bahagian-bahagian (depatmentation) berupa unit kerja dalam satu lembaga terbabit. Pembentukan bahagian-bahagian ini dengan matlamat untuk membahagikan pekerjaan dan menentukan kepakaran seseorang dalam satu bidang kerja.

Untuk mengopereskan satu stesen televisyen, diperlukan tenaga-tenaga profesional dalam bidang penyiaran, sehingga boleh mengopereskan stesen televisyen terbabit dengan elok. Pada asasnya pembentukan bahagian-bahagian dalam

satu lembaga sesuai dengan kebutuhan dari lembaga itu sendiri. Penyusunan struktur organisasi di Rtv berasaskan pada pendekatan proses iaitu, penyusunan struktur organisasi berdasarkan proses jalannya pekerjaan, sehingga setiap unit organisasi mengerjakan satu bahagian dari proses pekerjaan iaitu penyiaran. Struktur organisasi Rtv yang telah tubuhkan seperti berikut : ⁵

1. Presiden Direktur : Rida K.Liamsi
 Direktur : Mafirion
2. Pelaksana Operasional : Bahtiar
 General Manager : Bahtiar
 Departemen-Departemen Kerja
 1. Departemen Redaksi : Abubakar Siddik
 - a. Redaktur Pelaksana : Hendrizal Ruslan
 - b. Kordinator Liputan : Abdul Hamid
 - c. Koordinator Kameramen : Helmi
 - d. Reporter : Luna Agustin dkk
 - e. Editing/Dubing : Khairul Efendi dkk
 - f. Sekretaris redaksi : Elsa Yulindra
 2. Manager Program : Ahmad Mulyono
 - a. Bag.Prog.Hiburan & Budaya : Fitriady Syam
 - b. Bag.Pog.Khusus : Laras hati
 - c. Bag. Studio / ON AIR : M.Idrus.S dkk

⁵ Sumber Fail Riau Televisyen

- d. Bag. OB. Van : Indra Siska dkk

- 3. Manager Teknik : Yuhanto
 - a. Bag. Teknik & teknisi : Hardianis Alkhusairi dkk
- 4. Pjs. Departemen Keuangan : Ardiansyah
 - a. Kasir : Dwi Susanty

- 5. Kepala Departemen Umum : Sulastri
 - a. Peralatan/Studio : Andi Wijaya
 - b. Transportasi : David Budi Satyo dkk

- 6. Kepala Departemen Marketing : Susi Yoserizal
 - a. Bagian Administrasi : Tri Hilda Putri
 - b. Sales : I Ketut Bambang dkk.

4.3. Program Riau Televisyen.

Program berarti susunan rancangan yang akan dijalankan. Dengan demikian program Rtv berarti susunan atau rancangan yang akan didedahkan oleh Rtv setiap harinya selama seminggu. Pada masa ini Rtv keudara selama 11 jam di mulai daripada pukul 7.00 hingga 12.30 pagi dan pukul 17.00 petang hingga pukul 22.30 malam setiap harinya. Sebagai televisyen tempatan, maka Rtv keudara dengan rancangan yang bersesuaian dengan budaya masyarakat tempatan pula.

Rancangan Rtv bila dilihat dari sudut jenisnya, maka boleh dikelompokkan kepada beberapa bahagian, antara lain :

4.3.1. Program Informasi.

Program ini merupakan rancangan yang dibuat agar masyarakat boleh mengetahui tentang pelbagai hal yang berlaku tengah-tengah masyarakat. Informasi merupakan hal yang sangat dibutuhkan dalam kehidupan masyarakat, seperti yang juga telah diuraikan pada bahagian terdahulu, bahawa antara fungsi yang boleh diperankan oleh media massa utamanya televisyen adalah fungsi informasi. Untuk memberikan informasi kepada masyarakat, maka Rtv memberikan beberapa rancangan program seperti berikut :⁶

1. Detak Riau

Program ini merupakan berita atau informasi terkini yang berlaku di wilayah Riau sahaja, sementara berita yang ada diluar Riau tidak didedahkan dalam program ini. Sama halnya dengan televisyen yang lain seperti Televisyen Republik Indonesia (TVRI) menyampaikan berita nasional, maka informasi yang ditayangkan hanya pelbagai informasi yang berlaku hanya di Indonesia sahaja, manakalah peristiwa di luar negara didedahkan. Demikian pula halnya dengan Rtv, kerana wilayah liputan Rtv hanya khas untuk Riau sahaja, maka pada rancangan *Detak Riau* ini Rtv hanya menayangkan informasi yang berlaku di Riau sahaja. Dengan demikian masyarakat Riau boleh mengetahui tentang banyak hal yang berhubungkait dengan pembangunan dan lain-lain yang berlaku

⁶ Sumber Fail Pejabat Rtv

di Riau. Penayangan rancangan ini dilaksanakan tiga kali sehari yakni pukul 07.-08.00 dan pukul 11.30- 12.00 tengah hari serta pukul 19.00-20.00 WIB¹⁵ malam. Hal ini berlaku agar masyarakat Riau boleh mengetahui secara keseluruhan pelbagai hal yang berhubungkait dengan Riau

2. Holiday News

Selain informasi dalam bahasa Indonesia Rtv juga menyediakan sebuah rancangan yang disampaikan dengan menggunakan bahasa Inggris yang dikemas dalam sebuah mata acara Holiday News. Rancangan ini berisikan informasi berita-berita dari wilayah liputan Rtv dengan pola penyajian dengan menggunakan Bahasa Inggris. Penayangan rancangan ini bertujuan agar orang asing yang berada di Riau boleh mengetahui pelbagai hal yang berlaku di Riau, dengan demikian mereka akan boleh tahu apa yang sesungguhnya berlaku di Riau. Selain itu, rancangan ini juga bertujuan untuk memeberikan motivation kepada masyarakat Riau agar mereka boleh menguasai bahasa asing utamanya bahasa Inggris. Dengan harapan masyarakat akan lebih banyak mengetahui tentang pelbagai hal didunia global. Selain informasi dalam bahasa Inggris, rancangan ini juga membahaskan tentang suatu topik yang agak luas yang dikemas dalam bentuk dialog dalam bahasa Inggeris, yang dilakoni oleh kelompok usahawan,

¹⁵ WIB adalah waktu (masa) Indonesia Bahagian Barat, Kerana di Indonesia terdapat tiga waktu bahagian, iaitu waktu Indonesia bahagian barat, waktu Indonesia bahagian tengah dan waktu Indonesia bahagian Timur. Manakala Kota Pekanbaru termasuk kepada wilayah yang mempergunakan waktu Indonesia bahagian barat.

pemerintah, mahupun pelajar dan mahasiswa. Rancangan ini keudara setiap hari minggu dari pukul 11.30 hingga 12.00 WIB.

3. **Dokter Anda.**

Informasi yang disajikan dalam rancangan Rtv selain pelbagai hal yang berlaku di tengah-tengah masyarakat, tetapi Rtv juga berusaha memberikan informasi yang berhubungkait dengan dunia kesihatan. Informasi dalam bidang kesihatan dikemas dalam suatu mata acara iaitu *Dokter Anda*. Rancangan ini menghadirkan pakar kesihatan iaitu doktor-doktor pakar dalam pelbagai bidang, antaranya doktor pakar mata, pakar penyakit dalam dan pakar-pakar lainnya. Program ini merupakan konsultasi interaktif antara masyarakat dengan seorang doktor pakar melalui media televisyen yang diarah oleh seorang moderator. Pada masa program ini berlangsung masyarakat boleh bertanya melalui telefon kepada sang doktor tentang pelbagai penyakit yang diderita, seorang doktor yang dijemput oleh pihak stesen televisyen akan menjelaskan setiap persoalan yang dikemukakan oleh para penonton di rumah. Dengan demikian masyarakat akan lebih banyak tahu tentang dunia kesihatan dan akan boleh mendapatkan *solusion* terhadap penyakit yang mungkin sudah lama ia rasakan. Selain itu masyarakat juga akan boleh mendapatkan informasi tentang bagaimana cara menjaga kesihatan supaya terhindar daripada penyakit, kerana menjaga kesihatan jauh lebih baik daripada mengobati penyakit. Program ini ditayangkan setiap hari Sabtu dari pukul 09.00-10.00 WIB. Berdasarkan Survey yang dilakukan oleh team lapangan konimex, yang merupakan penaja program ini, maka didapati sekitar 45 peratus wanita

menonton program ini dan setiap hari sekitar 150 orang yang menelfon secara langsung untuk mendapatkan perhidmatan nasihat. Dengan demikian bererti program ini mendapatkan sambutan yang baik daripada masyarakat.

4. Adat Resam Budaya

Rancangan ini berisikan tentang pengupasan adat istiadat Melayu dengan perbincangan melalui televisyen. Rancangan ini dilaksanakan dalam rangka memberikan informasi dan pemahaman kepada masyarakat tentang selok belok adat istiadat Melayu. Dalam rancangan di jemput pakar-pakar adat untuk memberikan tunjuk ajar kepada masyarakat yang berhubungkait dengan persoalan adat istiadat Melayu. Antara pakar adat yang selalu dijemput oleh pihak Rtv sebagai pembentang adalah tokoh adat dan cendekiawan Lembaga Adat Propinsi Riau (LAMR) dan tokoh-tokoh adat kabupaten dan kota se-Propinsi Riau. Program ini disiarkan secara langsung dan juga boleh diikuti oleh penonton dengan cara interaktif melalui telefon, dengan demikian masyarakat juga boleh bertanya mengenai persoalan adat yang ada Riau. Acara berlangsung selama 60 minit disambungkan dengan pola interaktif via Shot Messagge Service (SMS). Penayangan program dilakukan pada hari Hari Isnin, pukul 20.00-21.00 WIB. Berbagai topik tentang adat-istiadat dibincangkan dengan dilengkapi nasihat dan syair tunjuk ajar Melayu dari buku *Budayawan Serumpun* karya H.Tennas Effendi.

5. Fakta Metropolis

Antara cara yang boleh digunakan untuk menghindarkan diri daripada mangsaan penjenayah adalah dengan mengetahui modus operandi mereka, oleh itu Rtv membuatkan suatu rancangan program yang boleh memberikan informasi kepada masyarakat tentang pelbagai bentuk kejahatan (jenayah) yang terjadi dalam kota. Program ini menceritakan pelbagai macam jenayah yang terjadi dalam masa seminggu dalam wilayah liputan seperti, Kota Pekanbaru, Batam dan kota-kota lain di Propinsi Riau. Program ini merupakan rakaman peristiwa jenayah yang telah berlaku terhadap mangsa seperti, berlakunya pembunuhan terhadap seorang dreba taksi di daerah perbatasan Pekanbaru Minas dan jenayah-jenayah lainnya. Program ini dikemas dalam suatu mata acara fakta metropolis yang keudara setiap hari Ahad, pukul 07.00 WIB. Matlamat dari program ini adalah agar masyarakat berhati-hati terhadap bahaya yang akan berlaku terhadap diri seseorang, kerana hal terbabit tidaklah merupakan hal mustahil pula akan berlaku pada tiap-tiap individu. Dengan demikian diharapkan kepada masyarakat dengan menonoton program terbabit akan boleh menjadikan peristiwa yang berlaku sebagai pelajaran bagi sesiapa sahaja dalam rangka untuk menghindarkan diri daripada pelbagai macam tindakan penjenayah yang sentiasa merugikan pihak mangsa.

6. SMS Air Sehat

Air bersih merupakan suatu yang sangat dibutuhkan oleh masyarakat dalam kehidupannya. Untuk memenuhi kebutuhan masyarakat terhadap air bersih

tersebut, maka masyarakat harus dibekali dengan informasi tentang air bersih yang memenuhi aspek kesihatan, sehubungan dengan itu pulalah pihak Rtv membuatkan suatu rancangan program iaitu SMS Air sehat. Program ini berisi liputan dan dialog-dialog tentang air yang ada di Riau. Hadir sebagai pembentang dalam program ini adalah pengelola bekalan air bersih PDAM, Air Minum Dalam Kemasan (AMDK), kedai-kedai pelayanan air minum di Pekanbaru dan syarikat industri besar yang memiliki pengelolaan air bersih dan air minum. Program ini disiarkan sekali dalam dua minggu (I dan III) iaitu setiap hari minggu pukul 20.00-21.00 WIB.

4.1.2. Program Hiburan

Antara fungsi yang banyak diperankan oleh televisyen adalah fungsi hiburan, kerana hiburan melalui televisyen merupakan hal sangat mudah untuk dinikmati oleh masyarakat. Untuk memperolehi hiburan melalui televisyen, masyarakat tidak lagi harus pergi keluar rumah, tetapi cukup hanya dengan duduk bersantai di rumah bersama ahli keluarga. Untuk memberikan hiburan kepada masyarakat, maka pihak Rtv menyediakan beberapa rancangan program seperti berikut :

1. Komedi Ongol-Ongol.

Pada asasnya masyarakat membutuhkan hiburan dalam rangka menghilangkan kejenuhan dalam mengikuti aktiviti-aktiviti hariannya, sama ada di pejabat mahupun di tempat-tempat lain. Antara program hiburan yang sedia ada di Rtv adalah Komedi ongol-ongol. Program ini dibentangkan dalam bentuk drama yang sifatnya jenaka. Program ini merupakan program rakaman selama 60 minit yang

dilakoni oleh perkumpulan lawak nasional Fakhri Semekot dengan mengambil topik berhubungkait dengan kehidupan harian. Program ini dirancang untuk semua lapisan masyarakat sama ada kanak-kanak, dewasa mahupun orang tua. Bila dibandingkan dengan program televisyen yang lain, maka komedi ongol-ongol ini boleh dipersamakan dengan *Mister Been* pada program televisyen yang lain iaitu program yang bersifat jenaka. Penayangan program ini dilakukan sekali dalam 2 minggu iaitu pada hari minggu pukul 21.00 WIB.

2. Acara Hiburan Anak (AHA)

Hiburan untuk kanak-kanak juga merupakan program yang disajikan oleh Rtv. Program ini berisikan lagu-lagu anak yang diselangi dengan kisah dan filem kartun yang berisi ajaran moral. Selain itu, pada program ini juga diadakan wawancara dengan kanak-kanak dari tadika dan sekolah rendah yang berprestasi. Hal ini dilakukan dalam rangka memberikan motivasi kepada kanak-kanak yang lain untuk boleh meniru kanak-kanak yang telah sukses seperti kanak-kanak yang dijemput oleh pihak Rtv. Program ini bertujuan untuk boleh memberikan hiburan kepada kanak-kanak sekaligus memberikan pendidikan moral dan mengajak kanak-kanak untuk boleh memahami makna daripada lagu serta filem yang ditayangkan. Penayangan program ini dilakukan sekali dalam seminggu iaitu hari Sabtu pukul 10.00 WIB dan diulang kembali jam 18.30 WIB.

3. **Tonil Yong Dede**

Bakat serta minat seseorang terhadap dunia lakonan perlu dipupuk dan dibina semenjak mereka kanak-kanak, kerana walaupun seseorang mempunyai bakat terhadap sesuatu tetapi tidak pernah disalurkan, maka potensi yang ada itu tidak akan boleh berkembang dalam diri seseorang. Untuk menubina bakat kanak-kanak dalam dunia lakonan, maka Rtv membuatkan suatu rancangan program yang disebut dengan *Tonil Yong Dede*. Program ini merupakan acara sinetron anak yang dilakoni oleh kanak-kanak sekolah rendah. Program ini bersifat rakaman drama kanak-kanak yang proses ini dilakukan di lokasi Bandar Seni Raja Ali Haji dan ditayangkan sekali dalam seminggu iaitu hari Sabtu, pukul 18.30 WIB dengan pola recorded. Program ini disertai oleh kanak-kanak sekolah rendah dalam bahasa Melayu.

4. **Hiburan Budaya Ocu Baghandu**

Masyarakat Kota Pekanbaru majoritinya berasal daripada daerah Kabupaten Kampar, hinggalah bahasa dan budaya masyarakat boleh dikatakan bahasa dan budaya Kabupaten Kampar. Oleh itu, untuk mengingatkan masyarakat terhadap budaya yang ada dikampung halaman mereka maka pihak Rtv dalam membuatkan rancangan program, mencuba mengungkapkan budaya yang ada dikabupaten kampar dengan cara menampilkan lagu dan dialog bersama artis-artis Bangkinang dalam bahasa Bangkinang, program ini dikemas dalam sebuah rancangan *ocu baghandu*. Selain daripada penampilan lagu-lagu daerah dari kabupaten kampar terbabit, program ini juga menjemput tokoh-tokoh adat dan

pihak pemerintahan asal Kabupaten Kampar, kepada mereka dimintakan untuk mengulas program terbabit yang pengungkapannya dengan mempergunakan bahasa Bangkinang. Hal ini maksudkan untuk memberikan nuansa hiburan serta mengubat kerinduan kepada kampung halaman bagi mereka-mereka yang berasal daripada daerah Kabupaten Kampar. Program ini keudara setiap Juma'at pukul 21.00-23.00 WIB.

5. **Televisyen Yale-Yale**

Pada umumnya setiap stesen televisyen sama ada di Inonesia atau di Malaysia dan negara-negara lainnya dalam memberikan hiburan kepada masyarakat melalui program televisyen selalunya dengan cara membuat suatu rancangan program dalam bentuk kuiz. Progran dalam bentuk kuiz ini di Rtv dikemas dalam sebuah rancangan program *Televisyen Yale-yele*. Sama halnya dengan program yang sedia ada di televisyen yang lain seperti RCTI dan SCTV Program ini diawali dengan pemutaran sebuah lagu yang dipandu oleh seorang moderator (MC) dan pihak penyedia program akan menyediakan wang tunai kepada mereka yang berjaya menerka tajuk lagu yang dimainkan. Program ini boleh diikuti oleh penonton dirumah dengan cara interaktif melalui telefon. Program ini dimaksudkan untuk memberikan nuansa hiburan kepada masyarakat.

6. **Gebyar Campur Sari**

Masyarakat Kota Pekanbaru merupakan masyarakat yang heterogen hinggakan setiap suku yang ada di Indonesia wujud Kota Pekanbaru. Mengingat

heterogenya masyarakat, maka pihak Rtv membuatkan rancangan yang boleh dinikmati oleh pelbagai lapisan masyarakat. Pada asanya masyarakat akan sangat menyukai program-program yang didalamnya terdapat nilai-nilai budaya daerah mereka masing-masing. Oleh itu, Rtv membuatkan rancangan dalam bentuk *Gebyar Campur Sari*. Program ini menampilkan group musik Jawa yang ada di Kota Pekanbaru. Program ini juga menampilkan lagu-lagu daerah lainnya yang dikombinasi dengan musik Jawa. Agar masyarakat boleh memahami dengan sepenuhnya budaya yang bersifat kedaerahan itu, maka program ini juga menjemput tokoh-tokoh masyarakat Jawa dan Daerah Riau. Program ini mengupas tentang salah satu tema yang dianggap paling tepat dan bersesuaian dengan keadaan pada masa itu. Program ini disiarkan setiap Hari Rabu pukul 21.00 WIB.'

4.1.3. Program Pendidikan

Televisyen merupakan media yang boleh diperankan sebagai media dalam rangka memberikan nilai-nilai pendidikan kepada masyarakat. Setakat ini televisyen hanya boleh memberikan pendidikan yang sifatnya non formal, manakala pendidikan formal mengalami banyak kendala bila dimasukkan dalam rancangan televisyen. Rtv dalam memberikan nilai-nilai pendidikan kepada masyarakat lebih banyak mengarahkan nilai pendidikan yang bersifat umum dengan erti bahawa Rtv dalam mendedahkan program pendidikan setakat ini hanya dengan cara memasukan nilai-nilai pendidikan pada sesebuah program, seperti dalam program hiburan anak. Dalam program tersebut diadakan pembinaan terhadap moral anak. Manakala pendidikan

yang bersifat religius juga didedahkan oleh Rtv, seperti terlihat dalam pelbagai jenis program seperti, laboratorium syari'ah, klinik haji dan umrah dan bincang rohani yang dalam kajian ini disebut dengan program dakwah. Untuk mengetahui lebih detil program tersebut sila rujuk program dakwah pada bahagian berikut.

4.1.4. Program Sukan

Olah raga (sukan) merupakan suatu aspek yang sangat dibutuhkan manusia, kerana sukan yang teratur akan mendatangkan kesihatan kepada pelakunya, manakala kesihatan amat sangat diperlukan, kerana dalam tubuh yang sehat terdapat pula otak yang cerdas. Bertitik tolak dari pendapat tersebut, maka sukan merupakan sesuatu yang amat sangat diperlukan dalam kehidupan manusia. Untuk boleh memotivation masyarakat dalam pelaksanaan sukan, maka Rtv mencoba memberikan rancangan program sukan kepada masyarakat melalui televisyen. Antara program yang boleh dikelompokkan kepada program sukan yang ditayangkan oleh Rtv adalah seperti berikut :

1. Bugar Bersama

Bugar bersama merupakan program yang disajikan dalam bentuk rakaman dengan menampilkan kelompok-kelompok senaman dari sekolah-sekolah, institusi pemerintah dan swasta dan sanggar senaman, yang ada di Riau. Program ini boleh disamakan dengan program erobik pada televisyen-televisyen yang lain seperti hal juga terlihat dalam program-program televisyen yang adalah RTM (Radio dan Televisyen Malaysia). Selain senaman yang bersifat moden, program ini juga

menyajikan senaman tradisional Indonesia dan Riau seperti Poco-Poco dan Senaman Zapin Payung Sekaki yang juga dalam bentuk rakaman.

2. Program pertandingan bola sepak liga Indonesia

Pada asanya masyarakat sukakan pertandingan bola sepak sama ada kalangan generasi muda mahupun orang dewasa. Pertandingan bola sepak yang boleh ditayangkan oleh Rtv adalah pertandingan bola sepak liga Indonesia. Antara peserta liga Indonesia itu diikuti oleh PSPS Pekanbaru (Persatuan Bola sepak Pekanbaru Sekitarnya). Setakat ini pertandingan yang boleh ditayangkan oleh Rtv sama ada siaran langsung mahupun siaran tunda adalah pertandingan PSPS dengan peserta lain yang pelaksanaannya dilakukan di stadion yang ada di Pekanbaru, kerana setakat ini Rtv baru boleh menjangkau siaran yang sifat khusus Pekanbaru dan sekitarnya sahaja. Program siaran langsung ini hanya berlaku pada masa PSPS Pekanbaru bermain di Stadium Rumbai Pekanbaru. Program ini menayangkan seluruh pertandingan PSPS Pekanbaru di Liga Indonesia IX baik pertandingan kandang (padang sendiri) maupun di luar kandang (padang orang lain). Pada program ini juga diikuti dengan kuiz-kuiz interaktif.

4.1.5. Program Dakwah

Pihak pengelola Rtv dalam menyusun rancangan programnya berusaha mendedahkan program yang sifatnya keagamaan yang mencerminkan budaya tempatan yang masyarakatnya majoriti beragama Islam dan berbudaya Melayu. Program yang bersifat keagamaan dalam kajian ini disebut dengan program dakwah, iaitu program

yang sifatnya mengajak, membimbing dan mengarahkan penonton supaya mereka mahu menjadikan agama Islam sebagai pedoman dalam kehidupan hariannya.

Program yang dakwah yang ditayangkan oleh Rtv, lebih banyak bersifat dialog dengan menjemput seorang tokoh yang dianggap pakar dalam bidang tertentu kepada mereka disertai tajuk yang akan dibentang. Dialog yang dilakukan juga akan boleh diikuti oleh masyarakat di rumah melalui telefon. Dengan demikian dengan sangat mudah masyarakat akan boleh mendapatkan pengetahuan atau maklumat tentang Islam. Bila dilihat dari sudut jenisnya, maka program dakwah yang disiarkan oleh Rtv boleh dikelompokkan kepada tiga jenis program. Antara jenis program tersebut adalah seperti berikut :

1. Laboratorium Syari'ah

Laboratorium syari'ah merupakan suatu program yang dirancang untuk memberikan alternatif kepada masyarakat Riau khususnya masyarakat Kota Pekanbaru agar mereka boleh mendapatkan maklumat tentang Islam, walaupun mereka tidak pernah belajar secara formal tentang ajaran Islam.

Program ini boleh mendedahkan berbagai permasalahan yang berhubung kait dengan ajaran Islam seperti, memperkenalkan sistem ekonomi syari'ah dan hukum-hukum Islam lainnya. Dengan hanya menonton televisyen, maka masyarakat akan boleh mengetahui tentang selok belok ajaran Islam.

Setakat ini rancangan laboratorium syariah ini ditujukan kepada seluruh lapisan masyarakat tanpa membezakan tingkatan umur, jenis kelamin lainnya. Sesiapa sahaja boleh menerima siaran Rtv termasuk yang menjadi sasaran program terbabit termasuk mereka yang bukan beragama Islam.⁷ Hal ini bertujuan agar semua masyarakat mengetahui bagaimana sistem yang berlaku dalam ajaran Islam, walaupun program ini hanya didedahkan secara umum sahaja.

Bagi mereka yang bukan beragama Islam, diharapkan dengan mengetahui sistem yang berlaku dalam ajaran Islam yang didedahkan melalui siaran Rtv, boleh memotivasi untuk menganut Islam. Manakala bagi mereka yang sudah Islam, tetapi belum banyak tahu tentang Islam, maka melalui program terbabit akan boleh menambah pengetahuan mereka tentang Islam.

Laboratorium syari'ah ini merupakan suatu program yang didedahkan dalam bentuk dialog hinggalah masyarakat boleh memberikan soalan kepada pembentang terhadap apa yang belum ia ketahui. Sebagai satu rancangan yang bersifat umum, maka laboratorium syari'ah dibahagikan kepada sub-sub program seperti berikut :

a. Dialog Mu'amalah Center

Islam sesungguhnya telah mengatur kehidupan manusia dalam semua aspek kehidupan sama ada dalam rangka berhubungan dengan Allah swt mahupun dalam rangka berhubungan dengan sesama manusia. Hubungan manusia dengan

⁷ Bahtiar, Manager Rtv, *wawancara*, 10 Mei 2003

Allah disebut ibadah manakala hubungan sesama manusia disebut dengan muamalah. Untuk memberikan tambahan pengetahuan masyarakat Kota Pekanbaru dalam rangka melakukan muamala, maka Rtv telah mendedahkan program dalam bentuk dialog mu'amalat center. Program ini dilaksanakan dua kali dalam seminggu, iaitu setiap hari Selasa dan hari Juma'at pukul 10.00 hingga pukul 11.00 pagi. Program ini juga membahaskan berbagai-bagai persoalan tentang keislaman, tetapi boleh dikhaskan untuk permasalahan yang berkaitan dengan mu'amalat dengan menjemput beberapa orang yang pakar dalam bidang mu'amalat. Program ini dilakukan dengan matlamat untuk mendidik masyarakat Kota Pekanbaru dalam melaksanakan mu'amalah sesuai dengan syari'at Islam. Pendedahan program ini adalah dalam bentuk dialog yang boleh diikuti oleh penonton melalui telefon. Dengan demikian masyarakat akan boleh memberikan soalan yang berhubung kait dengan tajuk yang dibincang pada masa itu, ekorannya masyarakat akan boleh mengetahui pelbagai hal yang selama ini belum mereka ketahui dengan ert bahawa program terbabit boleh mempertingkatkan pengetahuan masyarakat dalam hal keislaman.

b. Dialog Iqra' Anisa

Program ini dilaksanakan setiap hari Khamis pukul 10.00 hingga pukul 11.00 pagi. Program ini membahaskan berbagai-bagai persoalan berkisar tentang perempuan. Program ini dilaksanakan bagi mengatasi masalah kurangnya kemampuan kaum perempuan dalam memahami agama dan permasalahan yang berhubungkait dengan perempuan. Program ini dilaksanakan dalam bentuk dialog

dengan menjemput para pakar perempuan. Manakalah matlamat dan tujuan program ini adalah untuk memberikan bimbingan kepada masyarakat khususnya perempuan (wanita muslimah), agar mereka boleh melakukan aktiviti hariannya sesuai dengan ajaran Islam dan akan di nilai ibadah di sisi Allah.

2. Klinik Haji dan Umrah

Ibadah haji merupakan ibadah yang memerlukan kesiapan dan kemampuan yang tinggi, sama ada dari aspek finansial mahupun aspek fizikal. Mengingat tingginya kos untuk menunaikan ibadah haji ini dan supaya ibadah yang dilakukan itu tidak sia-sia, maka Rtv hadir dengan membentangkan program yang disebut Klinik Haji dan Umrah. Program ini merupakan program yang khas membahaskan permasalahan berkisar tentang pelaksanaan ibadah haji dan umrah. Program ini disiarkan setiap hari juma'at pukul 20.00 hingga 21.00 WIB. Program ini dilaksanakan dalam bentuk dialog dengan menjemput para pakar di bidang haji dan juga mereka yang telah pernah melaksanakan ibadah haji. Dengan demikian mereka boleh berkongsi pengalaman haji di tanah suci. Bagi mereka yang akan berangkat menunaikan ibadah haji, program ini membantu mereka untuk memahami pelaksanaan ibadah di tanah suci, manakala bagi mereka yang belum punya kemampuan untuk menunaikan ibadah haji, akan boleh memotivasi dia untuk berusaha dan berniat untuk menunaikan rukun Islam yang kelima ini.

3. Bincang Rohani

Bincang rohani adalah sebuah program yang disiarkan oleh Rtv secara langsung setiap petang pukul 17.00 hingga pukul 18.00 sebelum masuknya waktu shalat maghrib. Bincang rohani merupakan program dakwah yang disiarkan oleh Rtv dalam bentuk ceramah sekaligus dialog atau diskusi.. Program ini membahaskan berbagai persoalan tentang Islam dengan menjemput pakar dalam bidang masing-masing, terutama dalam bidang keislaman. Dialog ini dipimpin oleh seorang moderator dari pihak Rtv. Program ini juga boleh di ikuti oleh masyarakat secara langsung secara interaktif dengan melalui telefon. Penonton boleh bertanya permasalahan yang berkaitan dengan topik perbincangan pada masa itu.

Dakwah dalam bentuk lain yang disiarkan oleh Rtv adalah ceramah agama. Ceramah bererti berbicara di hadapan orang ramai untuk memberikan penjelasan, huraian atau keterangan tentang suatu permasalahan, terutamanya pendidikan keagamaan.⁸ Ceramah juga bertujuan untuk memperbaiki suatu keadaan tertentu dengan mengemukakan dalil atau bukti serta menyebutkan pandangan orang lain dalam masalah tersebut dengan mengemukakan pendapat yang benar.

Ceramah di Rtv disiarkan pada kebiasaannya apabila terdapat hari kebesaran dalam Islam seperti, peringatan Tahun Baru Islam iaitu setiap 1 Muharram, Maulid

⁸ Peter Salim dan Yenny Salim, (1991), *Kamus Bahasa Indonesia Kontemporer*, Jakarta: Moden English Pers, hlm. 280

Nabi Muhammad saw, Isra' dan Mikraj Nabi Muhammad saw dan hari-hari kebesaran Islam lainnya.⁹

Selain ceramah, Rtv juga setiap hari mengumandangkan seruan azan. Azan adalah seruan untuk mengajak umat Islam untuk melaksanakan solat berjama'ah.¹⁰ Pelaksanaan azan juga menandakan bahawa masa shalat fardhu sudah masuk.

Di Rtv azan hanya dikumandangkan ketika masuknya waktu maghrib sahaja, hal ini disebabkan kerana saat inilah masa yang tepat untuk mengumandangkan seruan azan di televisyen, dan pada masa inilah masyarakat sedang berehat sambil menanti tibanya waktu solat maghrib.¹¹

Selain daripada program tersebut, Rtv juga menayangkan program Renungan Kalbu yang dilaksanakan sekali dalam sebulan. Hal ini bertujuan untuk membersihkan hati umat manusia supaya tidak sombong dan angkuh.¹² Program ini diharapkan boleh menggugah hati umat manusia agar terhindar dari sifat-sifat yang tidak baik.

⁹ Bahtiar, Manager Rtv, *Wawancara*, 10 Mei 2003

¹⁰ Peter Salim *Op Cit*, hlm. 272

¹¹ Bahtiar, Manager Rtv, *Wawancara* 10 Mei 2003

¹² *Ibid*, 10 Mei 2003

Dalam bentuk dakwah lain, di Rtv juga menayangkan pelbagai kegiatan yang bersifat mengimarakkan ajaran Islam di pelbagai daerah Propinsi Riau dan kegiatan lain yang bercirikan aktiviti agama seperti tayangan pelaksanaan Musabaqoh Tilawati al-Qur'an, tayangan pelaksanaan sunatan massal di berbagai daerah di Propinsi Riau dan juga tayangan program buka bersama ketika bulan suci Ramadhan.

Kepelbagaian program dakwah di Rtv ini walaupun masih dirasa kurang, tetapi program tersebut sudah memadai untuk mengisi ruang-ruang untuk menyampaikan ajaran Islam, bukan sahaja kepada orang Islam bahkan juga didedahkan untuk orang yang bukan Islam di daerah Propinsi Riau.

4.4. Kesimpulan

Bila diperhatikan dari berbagai-bagai aspek dari masyarakat Kota Pekanbaru sama adak pendidikan, ekonomi, mahupun budaya, maka menurut analisis penulis bahawa pelaksanaan dakwah melalui media elektronik khususnya televisyen sudah sepantasnya dilakukan, kerana dengan tingatan pendidikan dan ekonomi yang telah membaik akan sangat mendokong dilaksanakannya dakwah melalui media massa elektronik ini.

Pelaksanaan dakwah melalui media massa elektronik ini, diperlukan perancangan dengan baik dan perlu juga dipertingkatkan dalam hal jenis program, kerana pada ketika ini masyarakat sudah kurang tertarik lagi untuk mengikuti dakwah yang dilaksanakan dengan cara bertemu muka melalui ceramah di mesjid. Dengan

pelaksanaan dakwah melalui media elektronik ini masyarakat akan boleh memahami ajaran Islam dengan sangat muda dan cepat.

BAB V
SAMBUTAN DAN KEBERKESANAN
PROGRAM DAKWAH DI RTV

4.1. Sambutan Masyarakat Terhadap Program Dakwah di Rtv

Sambutan terhadap program dakwah di Rtv bererti bagaimana sikap, pandangan dan pendapat serta reaksi masyarakat Kota Pekanbaru terhadap berlakunya penyiaran program dakwah di Rtv. Sebelum lebih lanjut membicarakan bagaimana sambutan dan keberkesanan program dakwah di Rtv terhadap masyarakat Islam di Kota Pekanbaru, maka terlebih dahulu dalam kajian ini akan dikemukakan latar belakang responden sebagai sumber untuk mendapatkan data dan informasi yang diperlukan dalam kajian ini. Latar belakang responden yang akan di gambarkan berhubung dengan masalah umur, pendidikan dan pekerjaan responden.

Seperti yang telah diuraikan pada bahagian terdahulu bahawa penetapan responden dalam kajian ini berasaskan pada metod sampling bertingkat. Berdasarkan metod terbabit, maka didapati jumlah responden dalam kajian ini seramai 220 orang. Dari jumlah responden yang disebutkan di atas, tentunya terdapat perbezaan tingkatan umur, pendidikan dan pekerjaan sesuai dengan profesi mereka masing-masing. Hal ini berlaku dengan harapan agar kajian ini benar-benar menampakkan keadaan yang sesungguhnya berlaku di tengah-tengah masyarakat Kota Pekanbaru. Untuk lebih jelas perbezaan latar belakang responden dalam kajian ini sila rujuk jadual berikut :

Jadual 1

Komposisi Responden Berdasarkan
Tingkatan Umur

NO	Umur (Th)	Jumlah	Peratus
1	20 tahun ke bawah	10	5 %
2	21 hingga 30 tahun	35	16 %
3	30 hingga 40 tahun	33	15 %
4	40 tahun ke atas	142	64 %
	Jumlah	220	100 %

Sumber : Borang Kaji Soal Selidik

Merujuk kepada data di atas, jelas bahawa yang menjadi responden dalam kajian ini adalah masyarakat yang telah berusia dewasa. Ini terlihat dengan jelas bahawa responden yang terbanyak adalah masyarakat yang berumur 40 tahun ke atas iaitu seramai 142 orang atau 64 peratus, manakala yang berumur 30 hingga 40 tahun seramai 33 orang atau 15 peratus dan responden yang berumur 21 hingga 30 tahun seramai 35 orang atau 16 peratus dan yang berumur 21 tahun ke bawah seramai 10 atau 5 peratus sahaja, hal ini berlaku dengan maksud agar kajian ini boleh mendapatkan data dan informasi daripada orang yang betul-betul pernah menonton program dakwah di Rtv, manakala generasi muda lebih menyukai program yang lain berbanding dengan program dakwah.

Selain dari sudut umur, perlu juga didedahkan penentuan latar belakang responden berdasarkan tingkatan pendidikan. Tingkatan pendidikan akan mempengaruhi responden dalam berintegrasi dengan televisyen. Masyarakat yang berpendidikan rendah akan berbeza dalam menafsirkan setiap program yang ditayangkan oleh televisyen berbanding dengan masyarakat yang berpendidikan relatif lebih tinggi. Kesan program dakwah juga akan berbeza disebabkan kerana perbezaan pendidikan yang ia perolehi. Untuk lebih jelasnya latar belakang pendidikan responden dalam kajian ini, sila rujuk jadual berikut :

Jadual 2

Komposisi Responden Berdasarkan
Tingkatan Pendidikan

NO	Pendidikan	Jumlah	Peratus
1	Sekolah renda	20	9 %
2	Sekolah menengah pertama	81	37 %
3	Sekolah menengah atas	78	35 %
4	Universiti	41	19 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa tingkat kelulusan pendidikan yang dimiliki oleh responden dalam kajian paling ramai adalah kelulusan sekolah menengah pertama, iaitu 81 orang atau 37 peratus, manakala kelulusan sekolah menengah atas seramai 78 orang atau 35 peratus dan universiti seramai 41 orang atau 19 peratus

serta sekolah rendah seramai 20 orang atau 9 peratus sahaja. Hal ini berlaku kerana sesuai dengan data masyarakat Kota Pekanbaru pada bahagian terdahulu bahawa penduduk Kota Pekanbaru majoriti adalah kelulusan sekolah menengah sama ada sekolah menengah pertama mahupun sekolah menengah atas.

Dengan demikian, walaupun tingkatan kelulusan responden dalam kajian ini paling ramai adalah lulusan sekolah menengah, tetapi penulis beranggapan bahawa secara keseluruhan dari responden telah boleh memahami setiap program yang ditayangkan oleh televisyen, termasuk juga program dakwah yang ditayangkan oleh Rtv.

Manakala dilihat dari sudut pekerjaan, juga akan memberikan nuansa yang berbeza dalam memahami setiap program yang sedia ada di televisyen. Tingkatan kesebokkan dalam pekerjaan akan mempengaruhi interaksi mereka dalam menonton setiap program televisyen. Selain itu masyarakat yang bekerja dengan penghasilan yang kurang memuaskan bila didedahkan dengan program yang berhubungkait dengan haji, maka boleh jadi mereka akan beranggapan bahawa untuk apa saya menonton program ini kerana saya tidak akan boleh untuk berangkat menunaikan haji tersebut.

Dengan demikian sambutan mereka terhadap program tersebut sangat kurang bahkan boleh jadi program tersebut tidak akan ditonton oleh masyarakat. Oleh itu, untuk mendapatkan data dan informasi yang sesungguhnya diperlukan responden

yang menggambarkan masyarakat Kota Pekanbaru secara keseluruhan. Untuk melihat latar belakang responden berasaskan jenis pekerjaan dalam kajian ini sila lihat pada jadual berikut :

Jadual 3

Komposisi Responden Berdasarkan Pekerjaan

NO	Pekerjaan	Jumlah	Peratus
1	Pegawai Negeri	50	23 %
2	Pegawai swasta	68	31 %
3	Berniaga	75	34 %
4	Nelayan	-	-
5	Petani	15	7 %
6	Buruh	8	3 %
7	Lain-lain	4	2 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa responden yang paling ramai dalam kajian ini berdasarkan pekerjaan adalah berniaga iaitu 75 orang atau 34 peratus, selanjutnya pegawai swasta seramai 68 orang atau 31 peratus, manakala pegawai kerajaan seramai 50 orang atau 23 peratus dan petani seramai 15 orang atau 7 peratus manakala buruh 8 orang atau 3 peratus sahaja dan lain-lain seramai 4 orang atau 2 peratus.

Ramainya responden yang berlatang belakang pekerjaan sebagai peniaga dalam kajian ini disebabkan kerana bila di lihat dari jumlah masyarakat Kota Pekanbaru secara keseluruhan majoritinya adalah berniaga. Selain itu pemerintah Kota Pekanbaru sememangnya berusaha untuk mengembangkan kota ini dengan visi dan misi menjadikan Kota Pekanbaru sebagai pusat perniagaan dan budaya Melayu. Dengan demikian masyarakat merasa mendapat peluang besar untuk melaksanakan perniagaan di Kota ini, hinggakan masyarakat berlumba-lumba mengembangkan usaha di bidang perniagaan.

Dengan memperhatikan pelbagai-bagai latar belakang responden tersebut, maka akan boleh memudahkan pengkaji untuk mendapatkan data dan informasi yang di butuhkan dalam kajian ini. Selain itu, perbezaan latar belakang responden akan boleh memberikan data dan informasi yang menggambarkan pendapat secara keseluruhan dari masyarakat Kota Pekanbaru, hinggakan data yang diperolehi akan boleh mewakili masyarakat Kota Pekanbaru secara keseluruhannya.

Rtv adalah sebuah stesen televisyen yang ditubuhkan di bumi Melayu dan dipengurusikan oleh orang Melayu, dengan demikian pihak pengelola Rtv seharusnya dalam mendedahkan setiap programnya bersesuaian dengan budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Seperti kita ketahui bahawa budaya Melayu itu begitu sinonim dan identik dengan budaya Islam. Sehubungan dengan itu, untuk meningkatkan pengembangan budaya Islam di Kota Pekanbaru, maka pihak Rtv mengusahakan pendedahan program-program yang bersifat keislaman.

Berdasarkan observasi yang dilakukan terhadap manajemen Rtv, maka di dapati bahawa dalam melaksanakan program siaran, Rtv telah merancang pelbagai macam program dakwah, iaitu program-program yang boleh membimbing masyarakat ke arah yang sesuai dengan ajaran Islam. Dengan didedehkannya program dakwah di Rtv, maka sebagai masyarakat yang majoriti beragama Islam dan berbudaya Melayu, sudah semestinya masyarakat Kota Pekanbaru menyambut baik dan mendokong sepenuhnya gagasan dan usaha pihak Rtv tersebut. Dengan demikian diharapkan masyarakat akan dapat memperolehi satu alternatif dalam usaha untuk mendapatkan maklumat tentang Islam dengan cara yang sangat mudah dan boleh dinikmati sambil bersantai di rumah bersama ahli keluarga.

Sehubungan dengan itu, untuk mendapatkan maklumat tentang Islam melalui televisyen, tentunya masyarakat terlebih dahulu harus mengetahui bahawa di televisyen tersebut sedia ada program yang bersifat keislaman atau dalam kajian ini disebut dengan program dakwah. Pengetahuan masyarakat terhadap program dakwah yang ditayangkan itu akan sangat menentukan sama ada program tersebut sambutan baik oleh masyarakat atau tidak. Pengetahuan responden akan adanya program dakwah di Rtv tergambar pada jawapan yang diberikan oleh responden pada borang soal selidik yang telah disebarikan kepada mereka. Untuk lebih jelas sama ada masyarakat tahu bahawa di Rtv sedia ada program dakwah atau tidak, sila rujuk jadual berikut :

Jadual 4

Pengetahuan Responden Tentang Adanya
Program Dakwah di Rtv

NO	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Amat tahu	183	83 %
2	Tahu	33	15 %
3	Tidak tahu	4	2 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Berdasarkan data di atas, jelaslah bahawa masyarakat kota Pekanbaru pada umumnya mengetahui bahawa di Rtv telah sedia ada program dakwah, ini dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh responden sebanyak 83 peratus menyatakan amat tahu bahawa di Rtv tersedia ada program dakwah, manakala seramai 15 peratus responden menyatakan hanya sedikit mengetahui dan hanya 2 peratus sahaja responden yang tidak tahu sama sekali bahawa di Rtv sedia ada program dakwah.

Bertitik tolak daripada jadual di atas, ternyata masyarakat Kota Pekanbaru pada umumnya sudah mengetahui bahawa di Rtv sedia ada program dakwah, pengetahuan masyarakat terhadap program dakwah di Rtv menandakan bahawa masyarakat pernah menonton program terbabit. Walau bagaimanapun harus diakui juga bahawa masih ada antara masyarakat di Kota Pekanbaru yang belum mengetahui bahawa di Rtv sedia ada program dakwah namun peratusnya sangat

sedikit sekali. Antara penyebab masih adanya masyarakat yang tidak mengetahui bahwa di Rtv sedia ada program dakwah adalah kerana antara masyarakat terbabit masih ada yang tidak pernah membuka program siaran Rtv. Dengan demikian tentunya masyarakat tidak boleh tahu bahawa Rtv juga menyiarkan program dakwah.

Dengan diketahuinya oleh masyarakat bahawa di Rtv sedia ada program dakwah, maka akan boleh dilihat sama ada program tersebut disambut baik atau tidak oleh masyarakat di Kota Pekanbaru. Sambutan masyarakat terhadap program dakwah yang ditayangkan melalui televisyen akan sangat baik, manakala keberadaan program dakwah melalui siaran televisyen terbabit disetujui oleh semua masyarakat. Untuk mengetahui apakah masyarakat bersetuju ditayangkannya program dakwah di Rtv atau tidak, sila rujuk pendapat mereka pada jadual berikut :

Jadual 5

Pendapat Responden Tentang Adanya
Program Dakwah di Rtv

NO	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Setuju	205	93 %
2	Tidak setuju	11	5 %
3	Tidak tahu	4	2 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Merujuk kepada data di atas, maka terlihat bahawa masyarakat Islam di Kota Pekanbaru bersetuju dengan tersedianya program dakwah di Rtv, hal ini dibuktikan

dengan jawapan yang diberikan oleh responden sebanyak 93 peratus menyatakan setuju diadakan program dakwah di Rtv, hanya 5 peraus sahaja daripada responden yang menyatakan tidak setuju disiarkannya program dakwah di Rtv, manakala 2 peratus menyatakan tidak tahu. Bersetujunya masyarakat dengan didedahkannya program dakwah di Rtv berlaku kerana bila dilihat dari aspek agama ternyata majoriti masyarakat Kota Pekanbaru adalah beragama Islam, dengan demikian bila Rtv mendedahkan program dakwah, maka masyarakat akan sangat mudah memperolehi informasi tentang ajaran Islam dengan cara yang mudah.

Bentuk persetujuan yang diberikan oleh masyarakat terhadap adanya program dakwah di Rtv, akan boleh dilihat dengan jelas bilamana masyarakat selalu menyertai setiap program dakwah yang disiarkan. Dengan demikian bererti masyarakat akan selalu menonton setiap program dakwah yang ditayangkan. Untuk mengetahui hal tersebut, sila rujuk jadual berikut :

Jadual 6

Volume Responden Yang Menonton
Program Dakwah di Rtv

NO	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Sering	68	31 %
2	Kadang-kadang	115	52 %
3	Tidak Pernah	37	17 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Berdasarkan jadual di atas, maka dapat dijelaskan bahawa masyarakat Pekanbaru ternyata masih belum begitu meminati program dakwah yang disiarkan oleh Rtv, hal ini dibuktikan dengan data yang ada pada jadual di atas ternyata hanya sebanyak 31 peratus sahaja masyarakat yang sering menonton program dakwah yang disiarkan oleh Rtv, manakala sebanyak 52 peratus responden hanya kadang-kadang menonton program dakwah yang sedia ada di Rtv dan bahkan masih ada di antara responden yang tidak pernah sama sekali menonton program dakwah di Rtv, iaitu seramai 17 peratus.

Keadaan ini berlaku kerana rancangan program dakwah atau program agama yang ditayangkan oleh Rtv setakat ini masih terbelakang berbanding dengan program-program yang sedia ada pada stesen televisyen yang lain seperti RCTI, SCTV dan televisyen lainnya. Dengan demikian masyarakat lebih sukakan menonton program yang lain berbanding dengan program dakwah di Rtv.

Walau bagaimanapun terbelakangnya program dakwah di Rtv, manakala masyarakat yang menonton program tersebut adalah betul-betul bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau informasi tentang ajaran Islam, maka tentunya setiap program dakwah tersebut akan tetap ditonton oleh masyarakat walaupun program tersebut belum popular.

Dengan demikian boleh dijelaskan bahawa tujuan seorang menonton sesuatu akan sangat menentukan sambutan mereka terhadap sesuatu program. Bagi melihat

tujuan masyarakat Kota Pekanbaru dalam menonton program dakwah yang disiarkan oleh Rtv, sama ada untuk mendapat maklumat tentang Islam atau tidak, sila rujuk jadual di bawah ini :

Jadual 7
Pendapat Responden Mengenai Tujuan Menonton Program Ddakwah di Rtv

NO	Alternatif Jawapan	Jumlah	Persentase
1	Mencari Maklumat tentang Islam	162	74 %
2	Mencari hiburan	51	23 %
3	Ingin Senang-senang sahaja	7	3 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Berdasarkan jadual di atas, dapat dilihat bahawa masyarakat Kota Pekanbaru pada asasnya menginginkan adanya informasi tentang Islam dengan sangat mudah, iaitu dengan cara memanfaatkan media massa utamanya televisyen, iaitu Rtv dalam usaha mendapatkan maklumat tentang Islam. Hal ini dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh responden dalam menentukan tujuan mereka menonton program dakwah di Rtv adalah untuk mendapatkan maklumat tentang Islam, iaitu seramai 74 peratus, manakala 23 peratus reponden menonton program dakwah di Rtv adalah untuk tujuan mendapatkan hiburan sahaja dan sebanyak 3 peratus responden memberikan jawapan hanya ingin bersenang-senang sahaja.

Dengan demikian, dapat dijelaskan bahawa pendedahan program dakwah di Rtv, sangat membantu masyarakat dalam usaha mendapatkan maklumat tentang Islam, dengan demikian masyarakat Kota Pekanbaru setakat ini tidak perlu lagi bersusah payah untuk mendapatkan maklumat tentang Islam, hanya dengan membuka siaran televisyen sahaja, maka mereka akan boleh memperolehi maklumat tentang Islam dengan mudah walau hanya duduk bersantai di rumah bersama ahli keluarga sambil menikmati secangkir teh.

Perlu disedari bahawa untuk mendapatkan matlamat tentang Islam melalui televisyen tentunya seseorang itu harus mengikuti program tersebut dengan serius dan bersungguh-sungguh, kerana apabila seseorang menonton program dakwah hanya sambil lalu sahaja, maka dia tidak akan boleh mendapatkan kesan apa-apa daripada program dakwah tersebut. Hal ini disebabkan kerana dalam sistem komunikasi yang dilaksanakan oleh media massa hanya berlangsung satu arah, sehingga tidak memungkinkan terjadinya dialog, kecuali program tersebut dilakukan dalam bentuk dialog interaktif sama ada melalui telepn mahupun SMS (*Shot Message Service*).

Oleh itu, agar program dakwah yang ditayangkan oleh televisyen memberikan keberkesanan kepada khalayak sasaran, maka diperlukan adanya keseriusan pihak khalayak sasaran dalam mengikuti program dakwah yang disiarkan. Dengan demikian diharapkan setiap program dakwah di televisyen boleh memberikan imfak kepada khalayak sasaran, hinggakan tujuan dalam rangka untuk mendapatkan

maklumat tentang Islam itu akan boleh didapati, manakala tidak ada keseriusan dalam menonton program dakwah ditelevisyen, tentu apa yang menjadi tujuan menonton program tersebut tidak akan boleh didapati. Bagi mengetahui tarap keseriusan masyarakat kota Pekanbaru dalam menonton program dakwah di Rtv, sila lihat jadual berikut :

Jadual 8

Sikap Responden Dalam Mengikuti Program Dakwah di Rtv

NO	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Mengikuti Dengan Serius	86	39 %
2	Sambil Lalu Sahaja	123	56 %
3	Tidak tahu	11	5 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Jadual di atas menunjukkan bahawa ketika menonton program dakwah di Rtv ternyata masyarakat Kota Pekanbaru belum mengikuti program tersebut dengan sepenuh hati, hal ini dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh responden seramai 56 peratus responden mengikuti program dakwah hanya sambil lalu sahaja dan hanya 39 peratus sahaja masyarakat yang mengikuti dengan serius, bahkan masih setakat ini masih ada di antara responden yang menjawab tidak tahu sama sekali sama ada mereka serius ketika menonton atau tidak. Hal ini berlaku kerana bagi mereka

program dakwah tidaklah penting dan selalunya program yang bersifat keagamaan melalui siaran televisyen itu membosankan.

Oleh itu, program dakwah yang disiarkan melalui televisyen harus menghindari daripada suasana yang sedemikian, ini bererti program yang disiarkan tersebut tetap menarik minat masyarakat untuk menontonnya. Sehubungan dengan itu, program dakwah terbabit harus benar-benar bersesuaian dengan selera masyarakat pada masa kini. Selain daripada itu juga pilihak penyedia program dakwah di televisyen hendaknya mampu membentangkan program dengan berbagai macam bentuk dan jenis program. Bagi memastikan apakah program dakwah yang disiarkan Rtv sama ada sudah bervariasi atau tidak, sila rujuk jadual berikut :

Jadual 9
Pendapat Responden Tentang Adanya Bermacam Jenis Program Dakwah di Rtv

NO	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Ya	200	91 %
2	Tidak	13	6 %
3	Tidak tahu	7	3 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa pihak Rtv telah berusaha untuk mendedahkan program dakwah dengan berbagai jenis program, hal ini dibuktikan

dengan jawapan yang diberikan oleh responden sebanyak 91 peratus menyatakan ya dan hanya 6 peratus sahaja yang mengatakan tidak, manakala selebihnya menyatakan tidak tahu. Dengan demikian bererti bahawa pada ketika ini Rtv telah membuatkan rancangan tentang pelbagai macam jenis program dakwah yang disediakan bagi masyarakat Kota Pekanbaru dan Propinsi Riau pada umumnya.

Dengan adanya pelbagai macam jenis program dakwah yang di Rtv, maka masyarakat boleh memilih bentuk dan jenis program dakwah yang bersesuaian dengan selera mereka masing-masing. Manakala suatu program yang ditayangkan oleh televisyen tidak sesuai dengan selera penonton, maka secara automatik tidak akan memberikan kesan apa-apa jua kepada sasaran kerana boleh jadi program terbabit tidak ditonton oleh masyarakat. Bagi melihat bentuk dan jenis program dakwah yang disukai oleh masyarakat Pekanbaru sila dilihat jadual berikut :

Jadual 10

Pendapat Responden Tentang Jenis Program Dakwah Yang Diminati

NO	Alternatif Jawapan	Jumlah	Persentase
1	Laboratorium Syari'ah	59	27 %
2	Klinik Haji dan Umrah	44	20 %
3	Bincang Rohani	117	53 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Jadual di atas, memberikan gambaran yang jelas kepada kita bahawa masyarakat kota Pekanbaru menyukai program dakwah yang ditayangkan oleh Rtv dalam bentuk Bincang Rohani. Hal ini dibuktikan dengan alternatif jawapan yang terbanyak mereka pilih adalah bincang rohani, iaitu 54 peratus, manakala sebanyak 27 peratus responden memilih Laboratorium Syari'ah dan 20 peratus responden memilih Klinik Haji dan Umrah.

Dipilihnya bincang rohani sebagai bentuk program yang disukai oleh masyarakat kerana program ini merupakan program yang selalu ditonton oleh masyarakat, kerana penayangan program ini adalah pukul 17.00, manakala masa ini bersesuaian dengan masa yang boleh masyarakat menonton sambil berehat dan santai di rumah. Sementara program yang lain seperti laboratorium syari'ah ditayangkan pukul 10.00 pagi, sila rujuk program dakwah di Rtv, manakala masyarakat pada masa itu seelok dengan usaha dan pekerjaan mereka sehingga tidak ada masa untuk menonton program tersebut.

Bila dilihat daripada bentuk program dakwah yang ditayangkan Rtv, maka akan didapati bahawa secara keseluruhan daripada program dakwah yang disiarkan oleh Rtv dilakukan dalam bentuk dialog interaktif, sehingga dengan demikian program tersebut akan boleh diikuti oleh penonton di rumah secara interaktif sama ada melalui telefon mahupun *Shot Messagge Service* (SMS), dalam hal ini penonton boleh menyampaikan pertanyaan melalui telefon tentang sesuatu hal yang tidak diketahuinya, khasnya berhubungkait dengan tajuk yang dibentang pada masa itu.

Dengan demikian masyarakat akan boleh mendapatkan maklumat tentang Islam dengan cepat dan mudah. Bagi melihat apakah masyarakat Kota Pekanbaru telah memanfaatkan fasiliti yang tersedia seperti telefon, untuk mendapatkan maklumat tentang Islam melalui program dakwah di Rtv, sila rujuk pendapat mereka pada jadual berikut:

Jadual 11

Responden Yang Mengikuti Program Dakwah di Rtv
Dengan Menggunakan Telefon

NO	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Sering	66	30 %
2	Kadang-kadang	117	53 %
3	Tidak Pernah	37	17 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa masyarakat Pekanbaru ternyata belum begitu serius memanfaatkan kemudahan yang tersedia untuk berkomunikasi secara aktif dalam mengikuti program dakwah di Rtv. Hal ini dibuktikan dengan penyertaan masyarakat untuk berinteraktif melalui pesawat telefon terhadap permasalahan yang ditayangkan oleh Rtv hanya 30 peratus yang memberi jawapan sering, manakala 53 peratus responden menyatakan hanya kadang-kadang menelefon dan menanyakan sesuatu hal yang berhubungkait dengan tajuk yang dibentangkan dalam program tersebut, bahkan seramai 17 peratus masyarakat tidak pernah sama sekali bertanya

melalui telefon tentang suatu permasalahan yang sedang dibentangkan di Rtv. Dengan demikian boleh dijelaskan bahawa tingkat penyertaan masyarakat dalam berinteraktif melalui telefon terhadap program dakwah di Rtv masih kurang.

Antara penyebab kurangnya peratus masyarakat yang mengadakan interaktif melalui telefon terhadap program dakwah yang ditayangkan oleh Rtv adalah banyaknya responden yang berlatar belakang pekerjaan sebagai peniaga. Sebagai seorang peniaga selalunya mereka berfikir bahawa segala sesuatu itu dinilai dengan keuntungan secara kebendaan, manakala sesuatu bila tidak mendatangkan keuntungan secara kebendaan, sesuatu itu dianggap sia-sia, sementara mengadakan interaktif melalui telefon terhadap program dakwah di Rtv merupakan sesuatu yang tidak mendatangkan keuntungan secara kebendaan, dengan demikian menyebabkan kurangnya minat masyarakat untuk mengikuti program dakwah di Rtv dengan berinteraktif melalui pesawat telefon.

Kemajuan ilmu pengetahuan dan teknologi banyak digesah oleh para pakar sebagai penyebab runtuhnya moral masyarakat, apatah lagi teknologi maklumat yang dianggap sebagai prasarana yang boleh merosakkan perilaku generasi muda, walaubagaimanapun perkembangan teknologi komunikasi kini adalah bermanfaat untuk tujuan komunikasi interaktif antara penonton dengan penyiar. Hal ini dilakukan dalam rangka untuk meningkatkan penyertaan masyarakat untuk mengikuti setiap program yang ditayangkan di televisyen.

Rtv merupakan antara stesen televisyen yang juga menyediakan fasiliti kepada masyarakat untuk boleh menyertai program dakwah dengan memanfaatkan teknologi komunikasi, seperti Shot Message Service (SMS) sebagai prasarana dalam mengikuti program dakwah. Dengan demikian diharapkan masyarakat akan mendapatkan kemudahan untuk dalam mendapatkan maklumat tentang Islam. Bagi mendapatkan informasi apakan masyarakat Kota Pekanbaru telah memanfaatkan fasiliti shot message service sebagai prasarana dalam penyertaan mereka mengikuti program dakwah di Rtv, sila lihat pendapat mereka pada jadual berikut :

Jadual 12

Responden Yang Menyertai Program
Dakwah Di Rtv via SMS

NO	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Sering	46	21 %
2	Kadang-kadang	33	15 %
3	Tidak pernah	141	64 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa penyertaan masyarakat untuk mengikuti program dakwah melalui *Shot Messagge Service* (SMS) sangat kurang sekali, hal ini dibuktikan dengan 64 peratus masyarakat mengakui tidak pernah melakukan *shot message service* (SMS) dalam mengikuti program dakwah yang disiarkan oleh Rtv, hanya 21 peratus sahaja masyarakat yang sering melakukan hal tersebut, manakala

15 peratus daripada responden sesekali pernah melakukan *shot message service* dalam mengikuti program dakwah di Rtv.

Berdasarkan data-data yang telah dikumpulkan melalui borang soal selidik yang berhubungkait dengan sambutan masyarakat Islam di Pekanbaru dengan didedakkannya program dakwah di Rtv, maka kajian memberikan analisis bahawa, pada dasarnya masyarakat Islam di Pekanbaru, menyambut baik dan mendokong sepenuhnya penayangan program dakwah melalui stesen televisyen iaitu di Riau televisyen (Rtv), hal ini di sebabkan kerana masyarakat menyedari bahawa pengaruh media massa terutamanya televisyen sangat kuat sekali, lebih-lebih di kalangan generasi muda. Oleh itu, untuk mengimbangi pengaruh negatif terhadap masyarakat, maka dengan didedahkan program dakwah di Rtv, maka ia boleh memberikan alternatif kepada masyarakat untuk mendapatkan maklumat tentang Islam.

Walaupun bagaimanapun harus diakui bahawa penyiaran program dakwah di Rtv tersebut belum sepenuhnya dapat diminati oleh masyarakat Islam di Kota Pekanbaru, hal ini disebabkan beberapa aspek penting, antara aspek yang boleh dilihat adalah program yang sedia ada. Program dakwah yang sedia ada di Rtv setakat ini masih terbelakang berbanding dengan program-program lain yang sedia ada di stesen televisyen swasta yang ada di Indonesia seperti RCTI dan SCTV serta stesen televisyen lainnya, manakala dilihat daripada masa penayang program tersebut juga sama, hinggakan masyarakat lebih memilih menonton program yang ada di televisyen yang lain berbanding dengan program dakwah di Rtv.

Kenyataan ini didokong oleh pendapat beberapa orang pemuka masyarakat diantaranya iaitu Ustadz Kaswandi Ismail, beliau menyatakan bahawa pada asasnya masyarakat menyetujui dan mendokong sepenuhnya penayangan program dakwah di Rtv, walaubagaimanapun kita akui bahawa masyarakat masih kurang berminat menonton program dakwah yang disiarkan oleh Rtv, hal ini berlaku kerana program tersebut disiarkan pada masa yang sama dengan penayangan program lain yang disiarkan oleh televisyen nasional yang boleh diterima di Pekanbaru, selalunya masyarakat lebih menyukai lebih menyukakan program yang bersifat hiburan.¹

Pendapat serupa juga dikemukakan oleh seorang anggota masyarakat iaitu Ahmad Tarmizi, ia menyatakan bahawa dia mendokong sepenuhnya penayangan program dakwah melalui siaran televisyen, kerana dengan penayangan program dakwah melalui televisyen akan boleh memberikan kesan yang mendalam kepada masyarakat. Tetapi setakat ini program dakwah yang disiarkan oleh Rtv belum boleh menyentuh hati nurani masyarakat, sehingga masyarakat belum merasa tertarik untuk menonton program tersebut.²

Dengan kurangnya minat masyarakat untuk menonton program dakwah yang sedia ada di Rtv, maka secara automatik semua kemudahan yang tersedia untuk berinteraktif ketika program tersebut berlangsung, seperti interaktif melalui *telefon*

¹ Kaswandi Ismail, Tokoh Masyarakat, *Wawancara*, 10 Julai 2003

² Ahmad Tarmizi, Anggota masyarakat, *Wawancara* 15 Julai 2003

perubahan sikap masyarakat daripada kebiasaan membuat yang buruk akan berubah menjadi melakukan perbuatan yang bai-baik.

Sememangnya program dakwah yang dikelola dengan baik dan bentangkan kepada masyarakat melalui media televisyen dengan daya kreativiti yang tinggi, metod dan gaya persembahan yang bersesuaian dengan masyarakat akan boleh mempertingkatkan pengetahuan masyarakat tentang persoalan-persoalan agama Islam, hingga ekorannya akan boleh mengubah tingkah laku masyarakat daripada kebiasaan membuat yang buruk kepada membuat yang baik dan sesuai dengan ajaran Islam. Untuk memperolehi gambaran yang jelas mengenai hal tersebut, sila lihat pendapat responden pada jadual berikut :

Jadual 13

Pendapat Responden Bahawa Program Dakwah di Rtv Boleh
Mempertingkatkan Pengetahuan Agama

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Ya	55	25%
2	Tidak	128	58 %
3	Tidak tahu	37	17 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Jadual di atas menunjukkan bahawa program dakwah di Rtv belum boleh mempertingkatkan pengetahuan agama umat Islam di Kota Pekanbaru, hal ini

dan juga *shot message service* (SMS) juga tidak boleh dimanfaatkan semaksimal kemampuannya.

Dengan demikian boleh dijelaskan bahwa kurangnya minat masyarakat Pekanbaru untuk menonton program dakwah bukan berarti masyarakat tidak mendukung program tersebut, tetapi daya tarik dari program tersebut masih kurang berbanding dengan program televisi yang lain yang ada di Indonesia, ekornya program tersebut tidak ditonton oleh masyarakat.

4.2. Keberkesanan Program Dakwah di Rtv

Kesan berarti sesuatu yang meninggalkan bekas setelah kita melihat, mendengar dan menyaksikan sesuatu hal.³ Dengan demikian, keberkesanan program dakwah di Rtv berarti sesuatu yang membekas atau sesuatu yang tinggal dalam ingatan seseorang setelah menonton program dakwah yang disiarkan oleh Rtv, sama ada dalam bentuk perubahan sikap ataupun penambahan memori ingatan mengenai suatu hal yang berhubung kait dengan ajaran Islam, ini bermakna adanya pengaruh positif terhadap seseorang setelah ia menonton program dakwah yang disiarkan oleh Rtv.

Keberkesanan program dakwah yang disiarkan oleh Rtv terhadap masyarakat Islam di Kota Pekanbaru akan boleh dirasakan dengan cara memperhatikan bagaimana tanggapan masyarakat dan sejauhmanakah program tersebut boleh memberikan tambahan ilmu pengetahuan agama kepada masyarakat serta adanya

³ Em Zulfajri, (1999), *Kamus Lengkap Bahasa Indonesia*, Jakarta : Diva Publisher, hlm. 216

dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh responden sebanyak 58 peratus menyatakan tidak, manakala yang menyatakan ya hanya 25 peratus sahaja dan sebanyak 17 peratus menyatakan tidak tahu. Dengan demikian program dakwah di Rtv setakat ini belum boleh mempertingkatkan pengetahuan agama bagi masyarakat.

Hal ini berlaku kerana masyarakat Kota Pekanbaru dalam mengikuti program dakwah di Rtv hanya dilaksanakan sambil lalu sahaja, setakat ini belum ramai masyarakat yang secara serius mengikuti program dakwah di Rtv, sila rujuk jadual 8, ini bererti bahawa, untuk mendapatkan keberkesanan diperlukan keseriusan dalam mengikuti program dakwah melalui televisyen kerana program televisyen sifatnya satu arah dan tidak memungkinkan terjadinya dialog kecuali jika program tersebut dirancang dengan metod interaktif melalui telefon. Walaubagaimanapun pihak Rtv sememangnya telah membentangkan program dakwah dalam bentuk interaktif melalui telefon dan shot message service, manakala penyertaan masyarakat terhadap hal terbabit masih sangat kurang, sila rujuk jadual 11 dan 12.

Selain itu, bukti keberkesanan program dakwah di televisyen terhadap masyarakat Islam di Kota Pekanbaru akan ditandai dengan adanya perubahan sikap dan tingkah laku masyarakat itu sendiri daripada yang tidak baik kepada tingkah laku yang lebih baik dan sesuai dengan ajaran Islam. Untuk boleh mengetahui apakan program dakwah di Rtv boleh memberikan kesan terhadap perubahan sikap dan tingkah laku masyarakat Islam di kota Pekanbaru sila rujuk jadual berikut :

Jadual 14

Pendapat Responden Tentang Adanya Perubahan
Sikap Masyarakat Setelah Menonton
Program Dakwah di Rtv

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Ada	46	21 %
2	Tiada	143	65 %
3	Tidak tahu	31	14 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Jadual di atas menunjukkan bahawa program dakwah di Rtv masih belum boleh memberikan perubahan sikap dan tingkah laku masyarakat Islam di Pekanbaru, hal ini dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh responden sebanyak 65 peratus menyatakan tiada, manakala 21 peratus menyatakan ada, dan sebanyak 14 peratus menyatakan tidak tahu. Ini bermakna, program dakwah di Rtv masih belum boleh merubah pola fikir masyarakat untuk boleh mengubah tingkah laku mereka dari yang tidak baik kepada yang lebih baik.

Agar program dakwah itu boleh memberikan infaq dalam bentuk adanya perubahan sikap dan tingka laku seseorang tentunya diperlukan keseriusan dan rutiniti seseorang menonton program terbabit, manakala setakat ini masyarakat Kota Pekanbaru belum ada keseriusan dan volumenyapun sangat kurang dalam menonton program dakwah di Rtv, sila rujuk jadual 6 dan jadual 8 pada bahagian terdahulu.

Dengan demikian perubahan sikap dan tingkah laku yang diharapkan dengan didedakkannya program dakwah di Rtv belum boleh diwujudkan.

Antara faktor juga tidak kurang pentingnya dan sangat menentukan keberkesanan program dakwah terhadap masyarakat adalah ialah komunikator atau da'i yang di jemput oleh pihak pengelola program siaran adalah da'i yang menyampaikan dakwah itu sudah dikenal keperibadiannya serta kepakarannya oleh masyarakat, da'i yang sudah dikenal kepakaran di tengah masyarakat akan diminati dan akan lebih mendapat perhatian serius dari masyarakat. Sehubungan dengan hal itu, maka setiap program dakwah yang disiarkan oleh Rtv hendaklah disampaikan oleh da'i yang dikenali memiliki kepakaran yang telah teruji di bidangnya. Manakala, dakwah yang disampaikan oleh da'i yang tidak dikenali oleh khalayaknya, apatahlagi da'inya diragukan kepakarannya akan menyebabkan kurangnya minat masyarakat menonton program tersebut ekorannya akan menimbulkan pula keraguan pada masyarakat untuk mengamalkan apa yang di sampaikan oleh da'i tersebut.

Sehubungan dengan hal itu, untuk mengetahui apakah da'i yang dijemput oleh pihak Rtv untuk menyampaikan dakwah melalui televisyen merupakan da'i yang telah dikenal oleh masyarakat dan tidak diragukan lagi kepakarannya dalam bidang keagamaan, sila rujuk bagaimana pendapat responden terhadap hal yang demikian pada jadual berikut:

Jadual 15

Pendapat Responden Tentang Da'i Yang Menyampaikan Dakwah di Rtv

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Sudah dikenal kepakarannya	55	25 %
2	Belum dikenal kepakarannya	125	57 %
3	Tidak tahu	40	18 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Berdasarkan data di atas, menunjukkan bahawa responden mengaku belum mengenali da'i yang menyampaikan dakwah di Rtv sama ada mereka memiliki kepakaran atau tidak. Hal ini di buktikan dengan pendapat responden 57 peratus menyatakan belum mengenal kepakaran da'i yang menyampaikan dakwah di Rtv, manakala 25 peratus responden menyatakan bahawa da'i tersebut telah dikenal oleh responden dan sebanyak 18 peratus responden menyatakan tidak tahu. Dengan demikian boleh dijelaskan bahawa da'i yang dijemput oleh pihak Rtv ternyata selalunya da'i yang tidak dikenal kepakarannya oleh masyarakat sebagai khalayak sasaran.

Dengan tidak dikenalnya kepakaran da'i yang menyampaikan dakwah di Rtv oleh masyarakat akan menyebabkan kurangnya minat masyarakat untuk mengikuti program terbabit hal ini dibuktikan dengan kurangnya keseriusan masyarakat untuk

mengikti program dakwah di Rtv lihat jadual 8, akibatnya program tersebut tidak boleh memberikan apa-apa jua sumbangan pengetahuan kepada masyarakat khususnya pengetahuan agama sila rujuk jadual 13. Ekorannya perubahan sikap masyarakat daripada yang tidak baik kepada yang lebih baik sesuai dengan apa yang menjadi harapan dengan adanya program dakwah di Rtv belum boleh diwujudkan, sila rujuk jadual 14.

Selain itu, satu hal yang tidak kurang pentingnya untuk memberikan keberkesanan kepada masyarakat bahawa program dakwah yang disiarkan itu adalah, kesesuaian antara mesej yang disampaikan dengan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat tempatan. Apabila mesej yang disampaikan itu bersesuaian dengan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat, maka mereka akan suka menonton dan akan mengikuti siaran dengan serius, sehingga akan boleh memberikan keberkesanan yang baik kepada penonton.

Ibarat seorang doktor yang akan mengubati pesakit, maka terlebih dahulu seorang doktor harus mengetahui apa penyakit pesakit tersebut. Setelah itu barulah ia akan menentukan jenis ubat yang akan diberikan kepada pesakit itu. Jika ubat yang diberikan bersesuaian dengan penyakit yang diderita oleh pesakit, maka penyakit tersebut akan cepat sembuh. Untuk mengetahui apakah mesej dakwah yang disampaikan oleh da'i dalam program dakwah di Rtv itu bersesuaian dengan permasalahan yang tengah dihadapi oleh masyarakat Kota Pekanbaru, sila rujuk pendapat responden melalui jadual berikut :

Jadual 16

Pendapat Responden Tentang Mesej Yang
Disampaikan Oleh Da'i Melalui Program Dakwah di Rtv

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Bersesuaian	152	69 %
2	Tidak bersesuaian	33	15 %
3	Tidak tahu	35	16 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa masyarakat Kota Pekanbaru merasa bahawa mesej dakwah yang disampaikan oleh da'i di Rtv telah bersesuaian dengan permasalahan yang berkembang pada ketika ini di tengah masyarakat. Hal ini dibuktikan dengan jawapan yang diberikan responden sebanyak 69 peratus menyatakan bahawa mesej dakwah yang disampaikan di Rtv sesuai dengan permasalahan yang berkembang pada ketika ini, manakala yang lain sebanyak 15 peratus menyatakan mesej dakwah di Rtv belum sesuai dengan permasalahan dewasa ini dan 16 peratus menyatakan tidak tahu.

Dengan demikian bererti mesej dakwah yang ditayangkan oleh Rtv telah bersesuaian dengan permasalahan yang dihadapi oleh masyarakat pada masa ini. Walaubagaimanapun kesesuaian mesej dakwah yang disampaikan kepada masyarakat tentunya juga harus ditunjangi dengan masa penayangan daripada program terbabit.

Masa penayangan antara program dakwah di Rtv tersebut masih ada yang tidak bersesuaian dengan masa dimana masyarakat boleh menonton program tersebut, seperti boleh kita lihat program laboratorium syari'ah, masa penayangan adalah pukul 10.00 WIB, sila rujuk program dakwah di Rtv. Manakalah masyarakat pada masa itu sedang sebok dengan pekerjaannya sama ada di pejabat atau ditempat lain sesuai dengan pekerjaan mereka, hinggakan program tersebut tidak boleh ditonton oleh masyarakat. Walaubagaimanapun mereka boleh menonton dekat tempat mereka bekerja tentunya mereka akan menonton hanya sambil lalu sahaja, sila rujuk jadual 8, dengan demikian sebaik apapun program manakala tidak ditonton oleh masyarakat tentunya program tersebut tidak akan memberikan apa-apa jua keberkesanan kepada masyarakat.

Keberkesanan program dakwah juga akan sangat ditentukan oleh metod penyampaian. Metod adalah penggunaan cara yang teratur dalam menyampaikan ajaran dakwah untuk mempengaruhi sasaran. Metod merupakan perkara yang penting dalam dakwah, kerana sesuatu pengajaran atau program walaupun sangat baik, tetapi susah untuk diterima oleh sasaran manakala cara penyampaian tidak sesuai, apatah lagi jika cara penyampaian tidak betul.

Sehubungan dengan pentingnya peranan metod dalam penyampaian dakwah, maka pihak pengelola dakwah hendaknya berusaha semaksimum kemampuan untuk merealisasikan dakwah tersebut dengan metod yang sesuai dengan sasaran apatah lagi bila dakwah tersebut dilakukan melalui program siaran televisyen kerana dakwah

melalui televisyen memerlukan kos yang cukup besar, dengan demikian diharapkan agar dakwah melalui televisyen tidak sia-sia, maka hendaknya dakwah tersebut disampaikan dengan metod yang boleh menyampaikan dakwah kepada sasaran. Untuk mengetahui apakah metod yang digunakan oleh para da'i yang dijemput oleh pihak Rtv telah bersesuaian dengan sasaran iaitu masyarakat Kota Pekanbaru, sila rujuk pendapat responden pada jadual berikut :

Jadual 17

Pendapat Responden Tentang Kesesuaian Metod
Dengan Sasaran Dakwah di Rtv

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Bersesuaian	176	80 %
2	Tidak bersesuaian	33	15 %
3	Tidak tahu	11	5 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa metod yang digunakan oleh pihak Rtv dalam mendedahkan program dakwah kepada masyarakat setakat ini telah bersesuaian dengan sasaran iaitu masyarakat Kota Pekanbaru. Hal ini dibuktikan dengan pendapat responden 80 peratus memberikan jawapan bahawa metod yang digunakan pihak Rtv telah bersesuaian dengan sasaran, manakala yang menjawab tidak bersesuaian hanya 15 peratus sahaja dan selebihnya iaitu 5 peratus menjawab tidak tahu.

Dengan bersesuaiannya metod yang digunakan oleh para da'i yang menyampaikan dakwah di Rtv, sememangnya program dakwah tersebut akan memberikan keberkesanan kepada masyarakat dengan baik, walaupun bagaimanapun juga kesesuaian metod dengan sasaran sahaja juga belum boleh menjadikan dakwah tersebut memberikan kesan yang mendalam kepada sasaran. Selain metod yang sesuai program dakwah juga harus disampaikan oleh da'i yang dikenal kepakarannya oleh masyarakat sasaran, manakala dakwah yang disampaikan oleh Rtv selalunya menjemput da'i yang tidak dikenal kepakarannya oleh masyarakat, sila rujuk jadual 15, ekornya menyebabkan keraguan bagi masyarakat untuk menerima apa yang disampaikan oleh da'i tersebut, dengan demikian dakwah yang disampaikan juga tidak akan memberikan kesan yang baik kepada masyarakat.

Keberkesanan dakwah yang dilaksanakan di televisyen juga perlu kesesuaian masa penayangannya dengan masa yang dimiliki oleh masyarakat untuk menonton program tersebut. Hal ini disebabkan kerana sebaik manapun program, da'i yang terkenal serta bersesuaian mesej dakwahnya dengan sasaran, jika masa penayangan tidak sesuai dengan masa yang dimiliki oleh masyarakat untuk menontonnya. Maka program tersebut juga tidak akan memberikan kesan apa-apa kepada sasaran kerana boleh jadi program tersebut tidak pernah ditonton oleh masyarakat.

Sehubungan dengan hal itu, maka pihak pengelola dakwah melalui media massa harus benar-benar memperhatikan masa penayangan program dakwah tersebut, agar program yang telah dirancang tidak menjadi sia-sia. Sementara itu disatu sisi

pihak Rtv juga telah berusaha untuk mengatur sebaik mungkin dan memilih masa yang tepat untuk menyiarkan program dakwah kepada masyarakat, manakala di sisi lain belum tentu masa yang telah diatur sedemikian rupa itu bersesuaian dengan masyarakat sebagai khalayak sasaran. Untuk melihat apakah masa penayangan program dakwah yang disiarkan oleh Rtv telah bersesuaian dengan masa lowong masyarakat untuk menonton program tersebut, sila lihat pendapat responden pada jadual berikut:

Jadual 18

Pendapat Responden Tentang Kesesuaian Masa
Penayangan Program Dakwah di Rtv

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Bersesuaian	143	65 %
2	Tidak bersesuaian	46	21 %
3	Tidak tahu	31	14 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Merujuk kepada jadual di atas, ternyata masa penayangan program dakwah di Rtv telah pula dianggap bersesuaian dengan masa masyarakat untuk menontonnya. Hal ini terlihat dari jawapan yang diberikan oleh responden seramai 65 peratus menyatakannya, dan sebanyak 21 peratus menyatakan tidak, manakala yang lain sebanyak 14 peratus menyatakan tidak tahu.

Hal ini berlaku kerana pada umumnya masyarakat hanya menonton program dakwah di Rtv dalam bentuk Bincang Rohani, kerana program ini sememangnya ditayangkan pada pukul 17.00. Masa ini pula memang masa yang tepat, pada masa ini masyarakat selalunya berada di rumah sambil menunggu datangnya masa salat maghrib, walaubagaimanapun perlu diketahui bahawa program dakwah di Rtv itu tidak sahaja Bincang Rohani, tetapi masih ada program yang lain yang masa penayangan dilakukan pada pagi hari, sila rujuk program dakwah di Rtv pada bahagian terdahulu, manakala pada masa itu masyarakat disebokkan dengan urusan pekerjaan mereka masing-masing dengan sendirinya program tersebut tidak boleh ditonton oleh masyarakat.

Selain itu keberkesanan terhadap suatu program dakwah juga akan berlaku apabila program tersebut ditayangkan secara berulang-ulang atau berterusan setiap hari, kerana apabila suatu mesej disampaikan berulang-ulang dengan cara yang kreatif, maka ia akan memberikan kesan yang mendalam kepada sasaran. Apatah lagi jika program dakwah itu dilakukan melalui media televisyen, kerana untuk menikmati program televisyen mempergunakan dua deria iaitu penglihatan dan pendengaran. Oleh itu, maka program yang ditayangkan secara berulang-ulang akan sangat cepat memberikan kesan kepada penontonnya

Al-Quran sendiri sebagai sumber ajaran Islam banyak sekali mengulangi fakta, terutama yang berhubung kait dengan masalah akidah ketuhanan dan juga berhubungan dengan dakwah para nabi terdahulu. Pengulangan seperti yang

dilakukan dalam al-Quran dimaksudkan agar manusia benar-benar mengetahui dengan sebaik-baiknya.

Oleh itu, untuk memperoleh keberkesanan terhadap suatu program dakwah yang ditayangkan melalui televisyen hendaklah dilakukan dengan cara berulang-ulang atau berterusan.. Untuk mengetahui apakah program dakwah di Rtv dilakukan cara berulang-ulang atau berterusan boleh dilihat pendapat responden pada jadual berikut :

Jadual 19

Pendapat Responden Tentang Penayangan
Program Dakwah di Rtv

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Berulang-ulang/berterusan	191	87 %
2	Sesekali sahaja	18	8 %
3	Tidak tahu	11	5 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Jadual tersebut di atas menunjukkan bahawa program dakwah yang ditayangkan telah dilaksanakan secara berulang-ulang, hal ini dibuktikan dengan jawapan yang diberikan oleh responden sebanyak 87 peratus menyatakan bahawa program dakwah di Rtv dilakukan secara berulang-ulang, manakala 8 peratus menyatakan satu kali sahaja dan 5 peratus menyatakan tidak tahu.

Berdasarkan pantauan penulis bahawa program dakwah di Rtv sememangnya sudah dilakukan secara berterusan, bahkan antara program tersebut sudah ada yang dilakukan setiap harinya dan pada masa yang sama pula, dengan demikian diharapkan program dakwah dilaksanakan secara berterusan akan memberikan kesan yang baik kepada sasaran, walaubagaimanapun berterusannya program dakwah yang disiarkan oleh Rtv jika kurang ditonton oleh masyarakat dan kalaupun ditonton masyarakat hanya sambil lalu sahaja, maka dengan demikian juga akan menyebabkan kurangnya keberkesanan program tersebut.

Oleh itu, untuk lebih memberikan keberkesanan yang baik kepada masyarakat, maka pihak pengelola dakwah melalui televisyen harus boleh merekayasa sedemikian rupa bentuk dan jenis program dengan memberikan variasi terhadap program tersebut. Dengan bervariasi program dakwah yang disiarkan akan boleh menghilangkan kejenuhan di hati masyarakat untuk menikmati program tersebut. Bentuk dan jenis program amat penting untuk mempengaruhi masyarakat untuk menonton program tersebut.

Pada ketika ini program yang sangat disukai oleh masyarakat adalah program yang berbentuk sinema elektronik atau drama. Oleh kerana masyarakat menyukai program televisyen dalam bentuk sinema elektronik/drama, maka dakwah melalui televisyen hendaknya dapat dilakukan dalam bentuk drama pula. Untuk mendapatkan gambaran yang jelas apakah program dakwah di Rtv sedia ada dalam bentuk sinetron/drama, sila lihat pendapat responden pada jadual berikut :

Jadual 20

Pendapat Responden Tentang
Program Dakwah Yang Berbentuk
Sinema Elektronik atau Drama

No	Jawapan	Jumlah	Peratus
1	Ada	0	0 %
2	Tiada	209	95 %
3	Tidak tahu	11	5 %
Jumlah		220	100 %

Sumber : Borang kaji soal selidik

Data di atas menunjukkan bahawa pihak Rtv belum pernah menyiarkan program dakwah dalam bentuk drama atau sinetron Islam, hal ini dibuktikan dengan pendapat responden sebanyak 95 peratus responden menyatakan bahawa di Rtv tidak ada program dakwah dalam bentuk sinetron, manakala 5 peratus responden menyatakan tidak tahu dan tidak ada satupun dari responden yang menyatakan bahawa di Rtv sedia ada menyiarkan sinetron atau drama Islam. Dengan demikian boleh dipastikan bahawa di Rtv belum pernah ada program dakwah dalam bentuk drama Islam.

Berdasarkan data yang telah dikumpulkan melalui kaji soal selidik yang telah dilakukan terhadap masyarakat Islam di kota Pekanbaru, maka penulis memberikan analisis terhadap permasalahan tersebut. Walaubagaimanapun program dakwah yang

disiarkan oleh Rtv sememangnya telah memberikan keberkesanan terhadap sebahagian masyarakat Islam di Kota Pekanbaru.

Keberkesanan yang dapat diperoleh oleh masyarakat setakat ini baru hanya sebatas adanya penambahan ilmu pengetahuan yang berhubung kait dengan ajaran Islam, Hal ini berlaku hanya kepada sebahagian kecil dari masyarakat Kota Pekanbaru. manakala dari aspek perubahan sikap dan tingkah laku belum mengalami keberkesanan. Hal ini disebabkan kerana masyarakat merasa bahawa pelaksanaan program dakwah di Rtv telah bersesuaian antara isi dengan sasaran. Mankala dari aspek mesej dakwah yang disampaikan oleh Rtv, ternyata juga telah bersesuaian dengan keadaan masyarakat di Pekanbaru dan juga dari sudut metod penyampaian programpun juga telah cocok dengan sasaran, manakala perubahan sikap dan tingkah laku masyarakat disebabkan kerana menonton program dakwah di Rtv belum terlihat pengaruh apa-apa jua.

Hal ini berlaku kerana program dakwah yang ditayangkan oleh pihak Rtv kurang menarik dan masih terbelakang berbanding dengan program televisyen yang lain. Selain itu program dakwah di Rtv kurang menarik disebabkan oleh beberapa hal seperti berikut :

Pertama, komunikator atau da'i yang menyampaikan pesan-pesan agama kepada masyarakat yang dijemput oleh pihak Rtv kebanyakan diantara mereka belum dikenal kepakarannya oleh masyarakat Islam di Pekanbaru, oleh itu daya tarik program menjadi sangat kurang hinggakan program yang ditayangkan itu tidak

ditonton oleh masyarakat dan pada akhir tidak memberikan kesan apa-apa kepada masyarakat.

Pendapat ini dipertegas oleh *A. Munir Sulung* salah seorang tokoh pemuda di Kota Pekanbaru, ia menyatakan bahawa kurangnya keberkesanan program dakwah yang disiarkan oleh Rtv disebabkan kerana da'i yang menyampaikan dakwah dalam program tersebut tidak merupakan panutan³ masyarakat (public figure).⁴

Pendapat serupa juga dikemukakan oleh *Drs. Yasrip*, seorang pegawai di jabatan agama Propinsi Riau, beliau menyatakan bahawa kurangnya keberkesanan program dakwah di Rtv disebabkan kerana da'i yang menyampaikan dakwah pada program dakwah yang ditayangkan oleh Rtv bukan orang yang dikenal kepakarannya di tengah-tengah masyarakat.⁵

Kedua, kurangnya keberkesanan program dakwah yang disiarkan oleh Rtv juga dipengaruhi oleh bentuk dan jenis program yang dihidangkan kepada masyarakat. Setakat ini program dakwah di Rtv hanya berbentuk ceramah dan dialog sahaja, manakala program yang berbentuk drama Islam tidak pernah dirancang oleh pihak Rtv, manakala program yang bersifat dialog tersebut selalunya membosankan, sehingga masyarakat memilih program lain berbanding program tersebut.

³ Panutan adalah ikutan atau disebut juga dengan orang yang menjadi ikutan dalam masyarakat atau orang yang didengarkan pembicaraannya oleh masyarakat bilamana dia memberikan pendapat serta nasihat.

⁴ A. Munir Sulung, Toko Pemuda, *wawancara*, 12 Julai 2003

⁵ Yasrip, (Drs.), Pegawai Jabatan Agama Propinsi Riau, *Wawancara*, 15 Julai 2003

Pendapat ini disokong oleh *Junaidi*, seorang warga masyarakat yang menyatakan bahawa program dakwah di Rtv itu sememangnya membosankan, kerana disampaikan hanya dalam bentuk ceramah dan dialog sahaja, manakala dalam bentuk dan jenis yang lain belum ada.⁶

Pendapat ini juga diperkuat oleh pendapat yang dikemukakan oleh Drs.H.Yazid Bakri, seorang pengurus Muhammadiyah di Pekanbaru, ia menyatakan bahawa kurangnya keberkesanan program dakwah di Rtv di samping da'inya kurang dikenal oleh masyarakat juga bentuk dan jenis programnya masih bersifat membosankan.⁷

Dengan demikian boleh ditegaskan lagi bahawa sebagai masyarakat yang beragama Islam dan berbudaya Melayu, masyarakat Pekanbaru, menyambut baik dan mendokong dengan sepenuhnya didedahkannya program dakwah di Rtv, tetapi pada ketika ini kita belum boleh berharap banyak untuk mendapatkan keberkesanan yang baik kepada masyarakat dengan didedahkannya program dakwah di Rtv, hal ini disebabkan masih sangat terbatasnya program dan rendahnya kualiti program dakwah yang di siarkan.

4.3. Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas dapat disimpulkan bahawa sebagai masyarakat yang majority beragama Islam, pada asasnya masyarakat Kota Pekanbaru menyambut baik

⁶ Junaidi, Anggota Masyarakat, *Wawancara*, 15 Julai 2003

⁷ Yazid Bakri, (Drs), Pimpinan Muhammadiyah Pekanbaru, *Wawancara*, 20 Julai 2003

dan mendukung adanya program dakwah disiarkan di Rtv. Tetapi perlu ditegaskan bahwa berdasarkan data yang diperoleh dari masyarakat ternyata program dakwah yang disiarkan oleh Rtv belum memberikan kesan yang baik kepada sasaran.

Oleh itu, pihak Rtv hendaknya perlu mencari formula yang tepat dan merancang program yang bersesuaian dengan masyarakat Islam di Kota Pekanbaru, sehingga pada akhirnya program tersebut sia-sia begitu sahaja.